

# Bicara HEP

Ke arah menjana  
minda warga  
kampus



UNIVERSITI MALAYA

Tarikh: 09/11/2001 bersamaan 23 Syaaban 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 18

## Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

### KAMILAH PENUNTUT ILMU

Kamilah anak tani, penuntut ilmu  
dewasa nanti pengukir taman pelangi.  
Kamilah anak nelayan, penuntut ilmu  
dewasa nanti pencarta lautan.  
Kamilah anak tentera, penuntut ilmu  
dewasa nanti pelindung negara.  
Kamilah anak sesiapa, penuntut ilmu  
dewasa nanti menjadi rakyat berguna.

Sebelumnya dewasa  
kami pasti berilmu di dada.

••• Hashim Yaacob  
TNC (HEP)

## Pemilihan MPMUM

Yahanda kira anakanda telah maklum pemilihan MPMUM sesi 2001/2002 yang akan diadakan pada 22 November 2001. Untuk itu, pastinya anakanda ingin menjadi calon atau wakil calon atau penyokong kepada mana-mana calon.

Pesanan ayahanda ialah anakanda hendaklah melalui hari-hari sebelum pengundian sebagai mahasiswa yang terhormat. Sekiranya anakanda ingin berkempen atau memperkenalkan diri, lakukanlah dengan cara yang baik. Tunjukkan anakanda sebagai

orang yang terbaik atau menyokong orang yang baik. Jangan kita amalkan budaya yang kotor. Jangan membuat fitnah atau mengedarkan surat-surat layang atau apa-apa perilaku yang tidak baik.

Anakanda tentu telah lihat sepanduk-sepanduk yang terdapat di kawasan kampus kita, menceritakan hakikat orang yang suka mengumpat atau membuat fitnah. Bukankah buruk balasannya?

## Mahasiswa dan Perubahan

oleh: Mohd Fakhrurazi Ibrahim

Menjadi seorang mahasiswa menyebabkan perubahan alam pendidikan berlaku bagi seseorang individu. Keadaan ini membuka ruang yang lebih luas untuk peningkatan ilmu pengetahuan dan kematangan

daya fikir serta kreativiti dalam apa-apa tindakan. "Mahasiswa" menjadi orang bernafas baru yang merungkai banyak perkara yang selama ini difikir mereka sebagai mengongkong diri seperti berpakaian seragam di sekolah. Dengan perubahan nafas

dan semangat itu, mahasiswa kadang-kadang tergelincir sehingga ingin merubah semua perkara termasuk nilai dan budaya baik yang ada. Di saat ini, pengaruh persekitaran dilihat sebagai budaya yang ingin diamalkan, menyebabkan mereka da ketikanya

Sumber: ... uka surat 2



Abdul Jalil  
Othman

## Secangkir Kopi Kelat....

Ada perkara yang kita anggap pelik tetapi sebenarnya benar. Kita berasa pelik kerana pada anggapan kita ia tidak mungkin berlaku ataupun mustahil jadi demikian. Seorang jurulatih renang dari negara Jepun, contohnya, telah berjaya melatih perenang sehingga berjaya mendapat pingat emas dalam sukan olimpik suatu ketika dahulu. Sekali imbas tidaklah ada apa-apa yang pelik. Kita tentu berasa pelik bila mendapat tahu dia sendiri sebenarnya tidak pandai berenang!

Seorang pencipta muzik terkenal, Beethoven sebenarnya cacat pendengaran. Pelakon Jackie Chan pula dikatakan buta huruf. Jika dakwaan ini benar, tentu kita berasa pelik kerana mereka berjaya dalam bidang masing-

masing. Profesor Hawking, bukan sahaja lumpuh tetapi terpaksa bergantung kepada mesin untuk bertutur. Pun begitu beliau terkenal sebagai seorang ilmuan yang disegani dan menjadi orang rujukan terpenting di dunia ini!

Kita sebenarnya haruslah berani berdepan dengan dunia realiti. Dunia realiti menuntut kita banyak insaf dan bersyukur. Percaya dengan kebolehan sendiri sangat penting untuk di-amalkan. Jika ada kemahuan, di situ ada jalannya. Jika ada kesungguhan, di situ juga ada hasilnya.

Orang yang celik belum tentu dapat menganyam bakul sehebat orang buta. Orang yang ada tangan belum tentu dapat melukis setanding orang kurang upaya yang hanya melukis menggunakan mulut!

Sekurang-kurangnya dua perkara harus kita lihat tersemam dalam diri kita. Pertama, kemahuan. Keduanya, kesungguhan. Ertinya, kemahuan sahaja tidak cukup jika tidak disertai kesungguhan melakukannya. Jika kedua-duanya ada dalam diri kita, maka tentu kita tidak akan sentiasa berasa pelik untuk selama-lamanya.

Sekurang-kurangnya dua perkara juga tidak harus dilihat ada dalam diri kita. Pertama, lekas bosan. Keduanya, lekas putus asa. Kalau kedua-dua ini bergabung dan beraja dalam diri kita, barang kali ini juga dapat dianggap pelik sepelik-peliknya! Pelik, kerana kita membenarkan diri kita jadi begitu. Lebih pelik, kerana hasilnya tentu kita sendiri yang tahu!

Email: [abjalil@hotmail.com](mailto:abjalil@hotmail.com)

### Sambungan dari muka surat 1

terjebak dengan perkara yang tidak berfaedah.

Sebagai individu yang berada di alam kampus, mahasiswa turut diberi ruang dan pendedahan oleh pihak Universiti bersama hasrat dan keinginan untuk melihat mahasiswa mendapat yang terbaik. Latihan pembangunan, kegiatan-kegiatan berbentuk lawatan, aktiviti-aktiviti berpasukan, pilihanraya kampus dan sebagainya disediakan kepada mahasiswa, malah aktiviti-aktiviti untuk kakitangan juga turut melibatkan mahasiswa. Mahasiswa kini amat bertuah dan beruntung dengan situasi pembelajaran yang ada.

Perubahan adalah proses yang baik andainya berlaku dari yang buruk kepada yang baik, dari yang baik kepada yang lebih baik dan apa sahaja peningkatan yang lebih positif daripada sebelumnya. Namun ada segelintir mahasiswa melakukan perubahan dari yang baik kepada yang buruk dan pelbagai nilai negatif seperti mencuri, memfitnah, mabuk, meniru dalam peperiksaan, merubah peribadi lelaki kepada perempuan dan sebaliknya, menggunakan kata-kata kesat dalam komunikasi, hilang adab sopan dan sebagainya. Semua itu cuba dibudayakan oleh mereka dan mereka tidak tahu berterima kasih di atas nikmat yang ada. Mereka berubah untuk perkara yang tidak sepatutnya diubah..

Mahasiswa perlu mempunyai cita-cita murni untuk diri,

masyarakat dan negara. Niat untuk kembali menyumbang demi pembangunan diri, masyarakat dan negara biasanya timbul di kalangan mahasiswa yang mempunyai jatidiri dan cintakan perkara yang positif seterusnya berusaha menggerakkan perubahan diri ke arah itu. Mereka ini adalah orang yang tahu manfaat akal, faham hakikat iman dan rasional dalam tindakan. Mahasiswa yang berubah dan cenderung kepada nilai negatif pula seringkali menimbulkan masalah kepada banyak pihak, malah keadaan itu dapat dilihat sejak berada di kampus universiti. Mereka berubah berasaskan nafsu dan emosi yang menafikan akal budi. Mereka sebenarnya rugi.

Mahasiswa! Kita perlu berubah sepertimana perubahan alam sekeliling. Kita berubah untuk kebaikan dan manfaat semua insan, bukan perosak keharmonian. Masa yang telah berlalu walau satu detik sekalipun tidak akan kembali. Kita perlu bertanya tentang manfaat yang telah kita peroleh hasil perubahan yang berlaku pada diri. Berubahnya alam menjadi lebih maju, berubahnya mahasiswa apakah masih di situ? Rangkalah perubahan yang baik untuk diri kita. Sedangkan Nabi Muhammad S.A.W. melakukan hijrah kerana ingin membuat perubahan yang baik, apatah lagi kita. Mahasiswa! Kalau benar anda agen perubah masyarakat, berubahlah anda seiring kemajuan yang ada dan rangkalah carta kehidupan untuk pembangunan seluruh anak bangsa.

## Penamaan Calon Pemilihan MPMUM

Penamaan calon untuk Pemilihan Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) sesi 2001/2002 akan diadakan pada 16 November 2001. Setiap calon, pencadangnya atau penyokongnya dikehendaki mengambil maklum:

- Mendapatkan Borang Penamaan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
- Menyerahkan dua salinan borang penamaan bersama borang pengakuan calon di pusat-pusat penamaan pada hari penamaan antara jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi.
- Menyerahkan wang deposit RM40.00 kepada HEP selewat-lewatnya pada hari penamaan calon.
- Membawa resit pembayaran deposit kepada Pegawai Pengurus Pemilihan semasa hari penamaan.
- Memastikan maklumat yang diminta pada borang penamaan diisi dengan betul.
- Masa bantahan adalah antara jam 11.30 pagi hingga 12.30 tengahari pada hari penamaan dan juga pusat penamaan yang berkenaan.
- Masa penarikan diri oleh calon boleh dilakukan pada bila-bila masa sebelum jam 3.30 petang pada hari penamaan dan tidak selepas waktu itu.
- Membawa bersama sekeping gambar berukuran 4R (disyaratkan berpakaian kot dan bertali leher sahaja) untuk urusan menyiapkan poster di samping dua keping gambar berukuran paspot untuk borang penamaan.

## Majlis Penyampaian Hadiah Festival Seni UM

Festival Seni UM 2001 telah bermula pada 1 November 2001 dan akan berakhir pada 13 November 2001. Festival ini akan diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah untuk pemenang bagi setiap kategori pertandingan. Juara-juara bagi setiap kategori akan mempersembahkan persembahan terbaik mereka pada malam tersebut di **Auditorium** Kompleks Perdanasiswa. Seluruh mahasiswa dan warga kampus dijemput hadir dan jangan lepaskan peluang ini.

Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya

## Etiket dan Protokol

### Tatacara Dalam Majlis Rasmi:

#### Persiapan menghadiri majlis

Setelah membuat keputusan untuk hadir, penerima kad sewajarnya:

- (i). Memberitahu pihak penganjur jika ada perubahan kehadiran.
- (ii). Menentukan kelengkapan diri seperti pakaian dan yang seumpamanya.
- (iii). Menentukan persiapan kemudahan yang diperlukan seperti kenderaan.
- (iv). Meninjau tempat majlis diadakan jika perlu.

#### Ketibaan di tempat majlis

- i). Ikut arahan pegawai lalu lintas.
- ii). Ikut pintu masuk yang ditetapkan.
- iii). Ikut arahan penyambut tetamu.
- iv). Tentukan tempat duduk.



### Wise Words

Do not judge your fellow man until you have stood in his place

📖 Talmud

Sumbangan:  
Puan Rohani Ramly

### Dalam majlis

- i). Jangan bertengkar jika tidak puas hati dengan sesuatu keadaan.
- ii). Tertib ketika majlis sedang berjalan
- iii). Dalam majlis jamuan, hendaklah mematuhi tertib di meja makan.

### Majlis tamat

- i). Ikut peraturan yang ditetapkan dan tidak terburu-buru keluar.
- ii). Berdiri menghadap tetamu kehormat.
- iii). Jangan mengambil sesuatu dari meja.
- iv). Bersabar dan tunggu giliran dalam apa jua situasi.

### Jenis Majlis Sosial dan Rasmi

Istilah koktel, koktel-bufet, dan resepi adalah istilah yang sering kita dengar dan tidak asing lagi bagi kita. Namun begitu ramai antara kita yang tidak menyedari perbezaannya. Memang ketiga-tiga jenis jamuan ini mempunyai persamaan dan juga perbezaan yang kadangkala boleh mengelirukan terutama bagi mereka yang tidak biasa menghadiri majlis-majlis sedemikian.

### Koktel

Koktel adalah majlis yang tidak rasmi. Jemputan dibuat dalam tempoh singkat iaitu antara satu hingga dua minggu; adakalanya dibuat dalam tempoh yang kurang dari seminggu. Dalam majlis tersebut tidak ada kerusi atau tempat duduk yang disediakan, dengan itu tetamu akan mundar-mandir atau berkelompok-kelompok.

Bersambung pada keluaran ke-19.

## Kenali Warga HEP

**B**eliau dilahirkan di Kedah dan dibesarkan di Pulau Pinang. Anak kelahiran utara ini memulakan tugas di Universiti Malaya pada 12 Jun 1972 sebagai Pembantu Kerani di Kolej Kediaman Kelima. Beliau berpindah ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada 1982 hingga sekarang.

Sebagai seorang yang cukup berpengalaman dalam bidang perkeranian, beliau kini dipertanggungjawabkan sebagai Pembantu Tadbir (P/O) untuk membantu urusan biasiswa dan pinjaman pelajar. Dengan pengalaman yang ada, beliau berharap agar kakitangan HEP dan universiti sentiasa mengamalkan budaya kerja yang amanah, jujur dan berdedikasi. Biarlah kecemerlangan dalam kerjaya itu bergerak seiring dengan kecemerlangan yang diperolehi oleh Universiti Malaya.

Harapannya untuk mahasiswa ialah sentiasa berusaha dengan tekun dalam pelajaran kerana kerajinan itu pastinya tidak akan menghampakan harapan kedua orang tua. Hasrat keluarga pastinya ingin melihat kejayaan cemerlang anak didik mereka seterusnya mampu mengubah masa depan agar lebih berjaya dan dikagumi.

**Moto Hidup:** *Semoga kerahmatan dan keberkatan hidup di dunia dan akhirat itu menjadi milik kita.*



Noriah

## Pemimpin Persatuan Pelajar

### Presiden Persatuan Mahasiswa Pahang

Saudara **Mohd Nazeri Abd. Mubin** berasal dari Pahang merupakan **Presiden Persatuan Mahasiswa Pahang** bagi sesi 2001/2002. Sebelum ini, beliau menjadi Bendahari, Kolej Kediaman Al-Ghazali, Penyelaras Unit Pidato Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, dan AJK Biro Kebajikan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya.

Beliau kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda di Akademi Pengajian Islam. Beliau merasakan bahawa PMPUM masih lagi kekurangan ahli terutamanya golongan bukan bumiputera, biar pun begitu beliau berpuas hati dengan komitmen ahli yang ada.

**Motto Hidup:** Mereka itu tidak pernah gagal melainkan mereka yang tidak banyak mencuba.

**Harapan:** Berharap Universiti Malaya akan sentiasa cemerlang dalam pelbagai aspek dan segala aktiviti kemahasiswaan perlulah diberi peluang dan dorongan yang secukupnya. Beliau juga menaruh sepenuh harapan agar pihak HEP akan sedia membantu dalam pelbagai aspek mengenai kegiatan mahasiswa seperti kelulusan projek dan bantuan kewangan.



Mohd Nazeri

## Dairi HEP

1 hingga 13 November 2001

☐ Festival Seni Universiti Malaya akan diadakan di kampus ini. Semua dijemput hadir.

10 November 2001

☐ Ujian Aptitude Pembantu Mahasiswa 2002/2003 bertempat di Dewan Peperiksaan, Universiti Malaya jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Mahasiswa yang berminat diwajibkan menghadiri ujian ini.

12 November 2001

☐ Majlis persaraan Encik Sulaiman Mohd, Pembantu Am Rendah Hal Ehwal Pelajar.

18 November 2001

☐ Pelancaran Rakan Muda Ramadhan di Masjid Putra, Putrajaya. Mahasiswa yang berminat sila maklumkan kepada HEP

## Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**  
Blok E, Kompleks Perdanasiswa  
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:  
Encik Mohd Fakhurulrazi atau  
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

## Redaksi

### Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob  
*Timbalan Naib Canselor (HEP)*

### Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly  
Encik Mohd Fakhurulrazi Ibrahim  
Encik Abdul Bazak Halifa  
Encik Azim Aziz  
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh